

B B063 DEB

MAHATHIR - ISLAM 1985

KUALA LUMPUR, 13 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERSETUJU DENGAN PENUBUHAN SEBUAH JAWATANKUASA PEMANDU PERINGKAT KEBANGSAAN BAGI MENGGUBAL KAEDAH PINJAMAN PERUMAHAN DAN KENDERAAN MENGIKUT LUNAS-LUNAS ISLAM.

MENURUT KENYATAAN AKHBAR Pengerusi Badan Perunding Islam yang juga Menteri Pertanian, Encik Anwar Ibrahim, 10 orang telah dilantik menganggotai Jawatankuasa tersebut dengan Setiausaha Pentadbiran, Kementerian Kewangan, Datuk Ismail Mansur sebagai Pengerusi.

Anggota-anggota Jawatankuasa itu terdiri daripada Datuk Prof. Ahmad Ibrahim dari Universiti Islam Antarabangsa, Dr. Kassim Mat Salleh dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Ahmad Shahbari Salomon juga dari UKM, dua orang wakil Kementerian Kewangan, Encik Abdul Razak Ghani dan Encik Ismail Parjo serta Encik Mohamed Kamil Awang dari Jabatan Peguam Negara.

Tiga orang lagi ialah Encik Ahmad Tajuddin Abdul Rahman dari Bank Islam Sementara dari Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri pula ialah Encik Ahmad Awang dan Ketua Pengarahnya, Prof. Madya Dr. Abdul Hamid Othman, yang dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa itu. -- LAGI

1951MST 13 05 85

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

Encik Anwar berkata penubuhan Jawatankuasa Pemandu bertujuan meminda kaedah pinjaman kenderaan dan perumahan kerajaan yang ada supaya sesuai dengan Lunas-Lunas Islam.